



# **MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PEKEBUN KECIL, DIVIDEN TSK DAN BANTUAN MANGSA BANJIR PARLIMEN PEKAN 2008**

## **TALKING POINTS**

**DATO' SERI HJ. MOHD. NAJIB BIN TUN HJ. ABDUL RAZAK**  
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

DEWAN TAN SRI YAHYA, INSTITUT KEMAHIRAN MARA,  
PERAMU, PEKAN, PAHANG  
23 FEBRUARI 2008

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Hj. Adnan bin Hj. Ya'akob  
Menteri Besar Negeri Pahang

Yang Berhormat Senator Tan Sri Muhammad bin Muhammad  
Taib, Pengerusi RISDA

Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat Hasan  
Ketua Pengarah RISDA

Yang Berbahagia Ketua Pengarah JHEOA

Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang

Dato' Ali Nordin bin Wahiduddin  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA

Pegawai Daerah Pekan

Ketua-Ketua Jabatan Dan Agensi

Penerima-penerima Anugerah Pekebun Kecil Cemerlang Tahun 2007

Peserta-Peserta Rancangan Tanam Semula Komersial (TSK)

Penerima-penerima Bantuan Mangsa Banjir

dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian.

3

## **1.PENGSTRUKTURAN SEMULA SEKTOR PERTANIAN**

Pada tahun 2006, dalam RMK ke-9, Kerajaan telah menilai semula dasar-dasar pembangunan Negara dan telah membuat beberapa pengubahsuaian dasar yang turut melibatkan sektor pertanian. Kerajaan berpendapat bahawa sektor pertanian perlu di struktur semula supaya dapat memberi sumbangan yang lebih besar kepada ekonomi negara dan menjadi *3rd engine of growth*. Dengan perubahan dasar tersebut, sumbangan industri getah dan sawit kepada ekonomi negara di beri penekanan serius dan hasil

4

setakat ini, banyak membawa kepada banyak perubahan dan kemudahan kepada masyarakat pekebun kecil.

Tempoh 35 tahun cukup membuktikan RISDA masih relevan untuk memperjuangkan nasib 380,010 orang pekebun kecil yang menjadi tulang belakang industri getah di Negara ini. Selaras dengan dasar kerajaan memberi penekanan kepada sektor pertanian dan pembangunan modal insan dalam Rancangan Malaysia Ke-9, Kerajaan melihat bahawa sektor pekebun kecil perlu dibangunkan secara holistik dari aspek pembangunan tanah

5

dan manusia supaya produktiviti dan pendapatan pekebun kecil terus meningkat.

## **2.SENARIO INDUSTRI GETAH MASAKINI**

Senario industri getah sekarang berada dalam tahap yang membanggakan dengan kenaikan harga getah dalam pasaran global. Pengeluaran getah negara adalah 1,200,949 MT. Daripada pengeluaran ini, 94.1 % atau 1,130,093 MT adalah dikeluarkan oleh pekebun kecil dan 5.9 % atau 70,856 MT adalah dari estet. Dari segi keluasan pula, jumlah keluasan getah adalah 1.26 juta

6

hektar di mana pekebun kecil memiliki 95 % ( 1,201,700 hektar) dan estet memiliki 5 % (59,000 hektar). Bagi tahun 2007, Kuantiti eksport negara adalah 1,200,949 MT bernilai RM 7.3 billion.

Berdasarkan kepada perangkaan tahun 2007, terdapat seluas 4.3 juta hektar kawasan bertanam sawit di Malaysia. Produktiviti kebangsaan buah tandan sawit (BTS) telah mencapai kepada purata 19.03 MT per hektar berbanding 19,60 MT per hektar pada tahun 2006. Malaysia menduduki tempat kedua selepas Indonesia sebagai negara pengeksport minyak sawit di dunia. Sebanyak 14,427,000 MT dalam tahun 2007 telah di eksport dengan nilai

7

eksport RM 45.1 billion. Ini di dorong oleh peningkatan produktiviti ladang di samping peningkatan harga komoditi.

### **3. HARGA KOMODITI GETAH DAN SAWIT**

Dengan peningkatan harga getah, harga purata bulanan berada dalam lingkungan 734.06 sen sekilogram, satu tahap yang tidak pernah dikecapi sebelum ini. Getah SMR 20 pada bulan Januari 2008 adalah 824.53 sen sekilogram. Pada 20 Februari 2008 harga getah SMR 20 telah mencecah 874.00 sen sekilogram. Harga getah di jangka naik kerana pengeluaran berkurangan di negara

8

pengeluar Thailand, Indonesia dan Malaysia. Di masa yang sama semua negara mengalami musim panas dan kering di beberapa kawasan yang mengurangkan pengeluaran lateks dari pokok. Kenaikan harga minyak mentah yang mencecah USD 100 satu barrel pada hari Selasa (19 Februari 2008) menyumbang kepada kenaikan harga getah asli. Minyak mentah merupakan asas kepada getah tiruan dan akan menyebabkan kenaikan harga getah tiruan dan pembeli di jangka beralih ke getah asli dan menyebabkan permintaan terhadap getah asli terus meningkat. Terdapat juga permintaan dari pembeli tempatan dan luar negara

kerana menjangka pengeluaran akan berkurangan disebabkan oleh cuaca kering.

**Harga Sawit** BTS (Buah Tandan Sawit) pada tahun 2007 telah naik 70.45 % dari tahun 2006. Harga purata Sawit bagi bulan Januari 2008 adalah RM 3,221.00 per MT bagi MSM. Pada 20 Februari 2008, harga sawit telah melonjak naik ke RM3,620.00 per MT bagi MSM. Harga sawit juga dijangka akan naik kerana permintaan meningkat dari China dan India. Pengeluaran minyak Soya berkurangan kerana cuaca yang tidak menentu di China dan di Amerika, banjir dan ribut salji telah memusnahkan tanaman.

Dollar US yang lemah juga telah menyumbang kepada kenaikan harga sawit. Harga dijangka akan terus naik jika US semakin lemah dan akan menjejaskan pasaran ekuiti. Pelabur akan beralih ke pasaran komoditi.

#### **4. INSENTIF UNTUK PROJEK BERKUMPULAN**

Semua pekebun kecil digalakkan menyertai Program Tanam Semula RISDA secara berkumpulan iaitu secara Tanam Semula Komersial (TSK) dan Tanam Semula Berkelompok (TSB) bertujuan untuk memudah dan mempercepatkan pemindahan teknologi serta dapat menjamin pengeluaran

11

berterusan dan kecekapan pemasaran. Beberapa insentif disediakan kepada pekebun kecil yang ingin menyertai program tanam semula secara berkumpulan. Antara insentif-insentif yang akan diberikan kepada peserta projek berkelompok ialah:

- i. Kemudahan asas seperti jalan pertanian, jambatan, parit dan pembentung akan disediakan secara subsidi kepada peserta projek.
- ii. Bantuan tanah kosong sehingga 30% kepada lot-lot yang tidak mengandungi getah tua dan kedudukannya

12

dalam kawasan projek berkelompok yang telah dikenalpasti.

- iii. Latihan Pengurusan Ladang dan pembangunan minda insan kepada Jawatankuasa Projek dan beberapa orang peserta yang terpilih.
- iv. Urusan jualan produk akan diselaraskan secara sistem tender yang diuruskan melalui depo belian atau Pusat Timbang dan Setor.
- v. Bantuan tabung pelancaran akan diberikan kepada Jawatankuasa Projek. Nilai pemberian bergantung kepada luas kawasan projek yang dapat dibangunkan.

13

- vi. Bantuan bayaran premium tanah bagi tujuan mendapatkan hakmilik tanah untuk membolehkan pekebun kecil menyertai program tanam semula.
- vii. Bantuan input pertanian yang bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran dan pendapatan pekebun kecil di bawah program peningkatan produktiviti getah.

Dengan ini, adalah diharapkan semua pekebun kecil menyertai Program Tanam semula RISDA secara berkumpulan untuk menikmati faedah-faedah ini.

14

## **5. RANCANGAN KHAS PEMULIHAN KEBUN (RKPK)**

Pada tahun 2007, Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah meluluskan RM 32.017 juta di bawah Rancangan Khas Pemulihan Kebun atau RKPK menggunakan peruntukan RISDA sendiri untuk membantu pekebun kecil yang telah menanam semula getah secara berkumpulan melalui Tanam Semula Komersial (TSK) dan Tanam Semula Berkelompok (TSB) di mana kebun gagal disebabkan oleh bencana alam, serangan binatang liar di samping kerosakan jalan-jalan pertanian yang menjejaskan pengangkutan baja dan benih. Pada tahun 2007,

15

sejumlah RM 9 juta telah dibelanjakan untuk 127 projek TSK dan TSB melibatkan 921 orang pekebun kecil yang telah berjaya dipulihkan melalui RKPK ini dan Rancangan ini akan diteruskan pelaksanaannya oleh Kerajaan sehingga 2010. Di jangka seramai 2,359 orang pekebun kecil akan menerima faedah daripada Rancangan Khas ini.

## **6. DASAR PENGURANGAN BURUH ASING**

Kerajaan masakini menggalakkan penggunaan buruh tempatan dalam sektor perladangan. Menyambut seruan ini, RISDA telah

16



berjaya meningkatkan penggunaan buruh tempatan di ladang-ladang yang diuruskan oleh Anak Syarikatnya sebanyak 15 % dalam masa 5 tahun iaitu daripada 37 % dari tahun 2003 kepada 52 % pada tahun 2007. Tahniah kepada RISDA kerana Kadar pada tahun 2007 menunjukkan penggunaan buruh tempatan melebihi buruh asing.

## **7. BENIH TISU KULTUR SAWIT**

Pada tahun ini RISDA sedang dalam usaha menyediakan benih sawit yang berkualiti tinggi, mempunyai pertumbuhan yang

17

seragam dan penghasilan minyak yang tinggi. Selaras dengan ini, RISDA akan membina sebuah makmal tisu kultur di Bangi dengan kerjasama MPOB bagi menyedia benih sawit untuk dibekalkan kepada pekebun kecil. Benih Tisu Kultur sawit ini mempunyai ciri-ciri yang baik seperti :

- i. Nisbah minyak dengan tandan melebihi 28 % berbanding konvensional sebanyak 24%.
- ii. Keseragaman pertumbuhan dan produktiviti yang tinggi
- iii. Menghasilkan bilangan tandan yang banyak dan hasil boleh melebihi 30 MT sehektar setahun bagi tanah pendalaman

18

- iv. Peningkatan hasil yang berterusan untuk tempoh satu pusingan hayat ekonomi pokok sawit (22 tahun) adalah satu manfaat yang besar kepada pekebun kecil.

Tahniah kepada RISDA kerana sentiasa berusaha untuk menambahbaik dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pekebun kecil

## **8. DASAR-DASAR BARU UNTUK PEKEBUN KECIL**

Pada akhir tahun 2005, '*Jawatankuasa Kabinet Mengenai Cara-Cara Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil Komoditi*

19

*(JKMPPK)'*", beberapa keputusan telah dibuat dan pekebun-pekebun kecil akan menerima faedah sepertimana berikut:

- i. **Bantuan Tanam Semula Ke Tanaman Lain (TSGL) bagi kebun bawah 2.5 hektar**

Geran sebanyak RM9,803,392.00 bagi pekebun kecil yang memiliki kebun 2.50 hektar dan ke bawah yang terlibat dengan Tanam Semula getah ke Tanaman Lain (TSGL) di antara tahun 2002 hingga 2003 seluas 2,204.00 hektar dengan kadar RM4,448.00 sehektar;

**ii. Pemulangan Wang Ses**

Pemulangan wang ses berjumlah RM49,592,500.00 bagi pekebun kecil yang memiliki kebun seluas 5.00 hektar dan ke bawah yang terlibat dengan TSGL diantara tahun 2001 hingga 2003 seluas 19,837.00 hektar dengan kadar RM2,500.00 sehektar; dan

- iii. Pemulangan wang ses berjumlah RM31,897,500.00 bagi pekebun kecil yang memiliki kebun seluas 5.00 hektar dan ke bawah yang terlibat dengan TSGL di

21

antara tahun 2004 hingga 2005 seluas 12,759.00 hektar dengan kadar RM2,500.00 hektar; dan

- iv. Bayaran pemulangan wang ses kepada pekebun kecil yang memiliki kebun seluas 5.00 hektar hingga 40.80 hektar yang terlibat dengan TSGL sejak tahun 2001 tertakluk kepada keluasan maksimum 5,000 hektar setahun melibatkan pembayaran pemulangan wang ses maksimum RM12.50 juta setahun.

22

**Perkara-perkara berikut telah diluluskan:**

**i. Kenaikan kadar bantuan TSGL**

Menaikkan kadar bantuan tanam semula getah ke lain tanaman (**TSGL**) daripada RM4,448.00 sehektar kepada RM6,000.00 sehektar.

**ii. Perluasan skop Program Tanam Semula untuk pembangunan Tanah Kosong**

Memperluaskan skop program tanam semula dengan membenarkan pembangunan tanah kosong sehingga ke paras 30% yang akan dibangunkan dalam projek

berkumpulan. Bantuan yang disediakan ialah sebanyak RM4,500.00 sehektar untuk tanaman getah dan RM3,500.00 sehektar untuk tanaman lain daripada getah. Sementara baki peruntukan sebanyak RM2,500.00 sehektar untuk setiap jenis tanaman adalah dibiayai melalui pinjaman yang tidak dikenakan faedah.